

Akademika 87(1), April 2017:65-74

<http://doi.org/10.17576/akad-2017-8701-05>

Pengalaman Sokongan Sosial Intergenerasi dalam Kalangan Warga Emas di Institusi Kebajikan Awam

Experience of Intergenerational Social Support among
Elderly in a Public Welfare Institutions

NURHAYATI MOHAMAD, KHADIJAH ALAVI, MOHD SUHAIMI MOHAMAD
& NUR SAADAH MOHAMAD AUN

ABSTRAK

Sokongan sosial intergenerasi antara anak dewasa dan ibu bapa tua merupakan fenomena yang menjadi cabaran keluarga di Malaysia, terutamanya dengan peningkatan populasi warga emas. Tujuan artikel ini ialah untuk meninjau sokongan sosial intergenerasi yang diterima oleh warga emas di institusi kebajikan warga emas yang dibiayai oleh pihak kerajaan. Sampel daripada sepuluh orang warga emas yang dipilih menggunakan teknik pensampelan bertujuan di salah satu daripada Rumah Seri Kenangan RSK yang memberikan perlindungan dan penjagaan asas kepada emas. Analisis tematik telah digunakan untuk mendapatkan data perbincangan. Hasil kajian menunjukkan warga emas di institusi kebajikan kurang menerima sokongan sosial intergenerasi daripada anak atau waris. Majoriti melaporkan hubungan mereka dengan anak-anak dan waris semakin renggang malah ada antaranya yang terputus hubungan setelah mereka berpindah masuk ke institusi kebajikan awam. Artikel ini mencadangkan item-item dimensi keluarga dalam skala Lubben sesuai digunakan untuk mengukur secara kuantitatif penerimaan sokongan sosial intergenerasi bagi warga emas di institusi. Pengukuran secara kuantitatif menggunakan sub skala keluarga membolehkan pengkaji membuat kajian terhadap saiz sampel yang lebih besar. Pada masa yang sama analisis inferensi dapat dilakukan dan keputusan boleh digeneralisasikan kepada semua ahli dalam populasi.

Kata kunci: Sokongan sosial intergenerasi; skala Lubben; institusi penjagaan; warga emas; anak dewasa.

ABSTRACT

Intergenerational social support between adult children and elderly parents is a phenomenon that is becoming a challenge for Malaysian families, particularly with an increase in the elderly population. The purpose of this article is to assess the intergenerational social support received by the elderly living in public care institutions. The sample consisted of ten elderly respondents recruited through purposive sampling from one of the Rumah Seri Kenangan that provides shelter and basic care for the elderly. Thematic analysis was used to arrive at pragmatic findings. Results revealed that the elderly in this care institution received less intergenerational social support from the children or next of kin. The majority reports their relationship with children and next of kin to be more distant and even lost contact with them after moving into institutions. This article proposes that the items in the family dimension in Lubben scale were appropriate to be used for measuring quantitatively the receipt of intergenerational social support among elderly living in a care institution. The quantitative measurements using family sub-scale allows researchers to do research on a larger sample sizes. At the same time inferential analysis can be carried out and the results can be generalized to all members of the population.

Keywords: Intergenerational social support; Lubben scale; care institutions; old people; adult children.

PENGENALAN

Kemasukan warga emas ke institusi penjagaan di Malaysia semakin meningkat walaupun bercanggah dengan amalan tradisi dan norma-norma sosial (Akehsan, Nicol & Maciver 2010). Apabila warga emas tinggal di institusi, sama ada yang masih mempunyai anak atau tidak, secara tidak langsung mereka telah terputus hubungan dengan komuniti asal dan juga anak-anak atau waris. Tiada lagi sokongan yang diterima daripada ahli keluarga, anak-anak atau waris dari segi emosi dan bantuan tertentu (Martikainen et al. 2009). Warga emas yang berada di dalam komuniti pula mempunyai gambaran yang negatif terhadap kehidupan di dalam institusi. Pada mereka tinggal di dalam institusi adalah masa untuk menunggu mati, mereka kehilangan kasih sayang dari keluarga dan terputus hubungan dengan keluarga dan komuniti setempat (Khadijah 2012). Statistik menunjukkan terdapat seramai 1,850 orang warga emas di 11 institusi penjagaan kerajaan dan 4,968 orang warga emas di 186 buah institusi penjagaan di bawah Pertubuhan Bukan Kerajaan dan swasta seluruh Malaysia (Jabatan Kebajikan Masyarakat 2014). Peningkatan keperluan perkhidmatan penjagaan sama ada penjagaan tidak formal oleh ahli keluarga ataupun penjagaan formal di institusi adalah kesan daripada peningkatan populasi warga emas. Berbanding dengan penjagaan tidak formal, penjagaan formal di institusi adalah pilihan terakhir bagi warga emas dan merupakan suatu pilihan yang tidak popular serta dibuat bukan dengan kerelaan hati (Martikainen et al. 2009).

Walaupun kemasukan warga emas ke institusi mungkin berpunca daripada pelbagai faktor dan penyebab, sokongan sosial intergenerasi daripada anak-anak dewasa kepada warga emas perlu dikekalkan. Silverstein dan Bengston (1994) mendefinisikan sokongan sosial intergenerasi merangkumi semua jenis sokongan yang berlaku antara anak dewasa dan warga emas sama ada sokongan berbentuk ekonomi dan bukan ekonomi. Manakala bagi Fingerman et al. (2010), sokongan sosial intergenerasi berbentuk *tangible* dan *intangible*. Silverstein, Gans dan Yang (2006) melihat sokongan sosial intergenerasi melalui kekerapan penyediaan bantuan dan sokongan seperti melakukan kerja-kerja rumah, pengangkutan, atau membeli belah, pemberian maklumat dan nasihat, bantuan kewangan, sokongan emosi, perbincangan terhadap pembuatan keputusan penting dalam hidup, lawatan atau membuat aktiviti santai

bersama, pertolongan apabila ibu bapa sakit dan bantuan penjagaan peribadi seperti mandi dan pengurusan ke tandas.

Chen dan Silverstein (2000) pula membahagikan sokongan sosial intergenerasi kepada tiga dimensi yang utama iaitu sokongan struktur (*structure support*), sokongan fungsi (*functional support*) dan penilaian (*appraisal*). Sokongan struktur memberi fokus kepada komposisi jaringan sokongan sosial dan ketersediaan seseorang yang boleh memberi sokongan kepada individu yang memerlukannya. Dalam konteks sokongan sosial intergenerasi terhadap warga emas, komposisi jaringan sokongan sosial yang dimaksudkan adalah ahli keluarga warga emas tersebut. Sokongan fungsi pula terbahagi kepada dua iaitu sokongan instrumental dan sokongan emosi. Sokongan instrumental terdiri daripada pertolongan untuk urusan peribadi dan bantuan kewangan. Manakala sokongan emosi bersifat *in-tangible* dan boleh dicerminkan melalui perkongsian perasaan, kepercayaan dan kemesraan. Penilaian merujuk kepada penilaian subjektif terhadap sokongan yang diterima sama ada mencukupi atau tidak dan sejauh mana individu yang menerima sokongan berpuas hati dengan sokongan yang diterima daripada pemberi sokongan. Komposisi jaringan sokongan sosial dan ketersediaan pemberi sokongan mempunyai hubungan dengan penerimaan sokongan fungsi dan penilaian.

Kebanyakan pengkaji dilihat mengemukakan pelbagai dimensi dalam sokongan sosial intergenerasi. Dimensi tersebut sesuai digunakan bagi mengukur sokongan sosial intergenerasi terhadap warga emas di luar institusi penjagaan. Namun bagi mengukur sokongan sosial intergenerasi terhadap warga emas di dalam institusi penjagaan, terdapat beberapa elemen yang tidak menepati situasi dalam institusi. Antaranya bantuan melakukan kerja rumah, penyediaan makan minum, membeli belah, pengurusan mandi dan pengurusan ke tandas. Kesemua bentuk sokongan ini telah disediakan oleh pihak institusi. Penyesuaian instrumen lain perlu dibuat bagi memenuhi keperluan kepada satu instrumen ringkas yang tepat untuk mengukur sokongan sosial intergenerasi terhadap warga emas di institusi kebajikan awam.

Kajian lepas membuktikan bahawa sokongan sosial intergenerasi memberi kesan langsung yang sangat positif kepada kesejahteraan subjektif warga emas (Rioux 2005; Tian 2016; Zhou et

al. 2015). Situasi ini menjadi dilema dan cabaran kepada keluarga moden dan generasi *sandwich* yang terpaksa memenuhi tuntutan kerjaya dan pada masa sama melaksanakan tanggungjawab terhadap ibu bapa tua (Khadijah 2012; Khadijah et al. 2015). Kebanyakan kajian mengenai penuaan lebih memberi tumpuan kepada warga emas yang tinggal dalam komuniti (Cheng et al. 2011). Manakala kajian mengenai warga emas di dalam institusi pula lebih memberi fokus kepada aspek kesihatan (Keevil et al. 2013; Rashid & Azizah 2013; Sana'MH et al. 2014; Nikmat, Hawthorne & Al-Mashoor 2013), sedangkan kajian mengenai sokongan sosial intergenerasi warga emas di dalam institusi masih kurang.

Maka kajian ini dijalankan untuk mengkaji sokongan sosial intergenerasi yang diterima oleh warga emas daripada anak-anak selepas berlakunya perpindahan ke institusi Rumah Seri Kenangan (RSK). RSK merupakan salah satu institusi kebajikan warga emas di bawah Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat. Institusi ini menyediakan perkhidmatan penjagaan dan perlindungan secara percuma terhadap warga emas berumur 60 tahun ke atas yang daif. Pada masa yang sama kajian memberi fokus kepada penyesuaian terhadap item-item di dalam skala Lubben untuk digunakan sebagai alat pengukuran sokongan sosial intergenerasi secara kuantitatif.

Hasil kajian diharapkan akan menjadi landasan kepada pihak pengurusan institusi penjagaan untuk membuat perancangan bagi mempergiatkan usaha-usaha demi memastikan warga emas yang tinggal di institusi tidak terputus hubungan dengan anak-anak atau waris mereka. Artikel ini merupakan panduan kepada penyelidik lain untuk menggunakan sub skala keluarga dalam skala Lubben bagi mengukur sokongan sosial intergenerasi di institusi penjagaan secara kuantitatif mengikut budaya Malaysia.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif. Terdapat enam reka bentuk penyelidikan kualitatif (Chua 2012). Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan kaedah kajian kes untuk mengkaji secara mendalam mengenai sokongan sosial intergenerasi yang diterima oleh warga emas di institusi penjagaan. Kaedah ini dipilih kerana reka bentuk ini dapat menghuraikan secara teliti untuk memahami fenomena sokongan sosial intergenerasi

yang berlaku di institusi penjagaan. Tambahan pula kaedah ini memberi peluang kepada pengkaji untuk menyelami pengalaman peribadi warga tua yang melalui kehidupan di institusi tanpa kehadiran anak di sisi. Kajian ini menggunakan pensampelan bukan kebarangkalian (*non-probability sampling*) yang melibatkan 10 orang warga emas berumur 60 tahun ke atas di Rumah Seri Kenangan (RSK) yang dipilih menggunakan teknik pensampelan bertujuan. Warga emas yang dipilih adalah berdasarkan beberapa kriteria iaitu hanya warga emas yang mempunyai anak-anak, tidak mengalami gangguan mental dan bersetuju untuk ditemu bual.

Temu bual separa mendalam dijalankan berpandukan protokol temu bual separa struktur. Soalan-soalan dalam protokol temu bual lebih bersifat secara terbuka dan berlandaskan item-item dimensi keluarga dalam skala Lubben (Lubben & Gironde 2003). Ini bertujuan untuk melihat gambaran jelas secara keseluruhan sokongan sosial intergenerasi yang diterima oleh warga emas di institusi penjagaan. Di samping itu perbincangan bersama pihak pengurusan institusi penjagaan juga dijalankan berkaitan sokongan sosial intergenerasi yang diterima oleh warga emas bagi mengesahkan maklumat yang diterima. Sesi temu bual daripada mula hingga akhir dirakamkan menggunakan alat perakam dengan keizinan responden. Sepanjang proses temu bual, pengkaji menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar. Melalui teknik temu bual, perasaan dan pengalaman warga emas dalam melalui kehidupan di institusi diteroka secara mendalam. Dengan ini, penyelidik dapat memahami secara jelas keadaan dan pengalaman warga emas di institusi. Soalan utama yang ditanya kepada warga tua adalah "Bagaimanakah sokongan sosial intergenerasi daripada anak-anak atau waris selepas berpindah ke jagaan institusi?". Soalan-soalan susulan ditanya berdasarkan jawapan informan. Warga emas digalakkan menceritakan apa saja berkaitan anak-anak mereka. Soalan tambahan yang dibincangkan ialah mengenai penilaian mereka terhadap sokongan sosial intergenerasi yang diterima daripada anak dewasa atau waris dan keinginan mereka untuk kembali tinggal bersama anak-anak.

Maklumat yang diperoleh dianalisis berpandukan enam langkah dalam mengurus dan menganalisis data sebagaimana yang dicadangkan oleh Chua (2012). Langkah pertama analisis data bermula selepas temu bual pertama diadakan yang

mana pengkaji perlu mengumpul dan menyusun data. Langkah kedua melibatkan penghasilan transkrip yang mana semua data termasuk temu bual, pemerhatian, dan dokumen sama ada berbentuk audio dan video diterjemahkan dalam bentuk teks sebelum dianalisis. Langkah ketiga ialah pengimbasan data yang mana pengkaji perlu membaca transkrip secara keseluruhan untuk mendapatkan gambaran umum tentang perkara yang dikaji. Langkah keempat ialah mengekodkan data. Pada tahap ini data dikodkan dan disusun untuk membentuk sub-tema, tema dan domain. Langkah kelima ialah memperkembangkan gambaran keseluruhan. Pengkaji perlu menghubungkan tema-tema yang dihasilkan untuk membentuk gambaran keseluruhan perkara yang dikaji. Langkah terakhir ialah menyediakan laporan kajian. Pengkaji melaporkan hasil kajian menggunakan kaedah induktif yang mana pengkaji membentangkan data kajian terlebih dahulu sebelum merumuskan hasil kajian.

HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

LATAR BELAKANG INFORMAN

Informan kajian adalah berumur 60 hingga 90 tahun. Daripada 10 responden yang di temu bual, 8 orang adalah berbangsa Melayu, 1 orang berbangsa Cina dan 1 orang berbangsa India. Rata-rata informan perempuan yang ditemu bual pernah bersekolah namun hanya setakat sekolah rendah sahaja berbanding dengan warga emas lelaki yang majoritinya adalah bersekolah sehingga tahap menengah. Dari segi bilangan anak, informan 7 mempunyai bilangan anak paling ramai iaitu 6 orang, manakala informan 1, 2 dan 5 mempunyai hanya seorang anak sahaja. Kebanyakan informan telah mencapai tempoh dua tahun menetap di RSK dan ada antaranya telah menetap selama 6 tahun. Profil demografi informan dinyatakan dalam Jadual 1.

JADUAL 1. Profil Demografi Informan

Informan	Jantina	Umur (tahun)	Bangsa	Tahap Pendidikan	Tempoh menetap di RSK (tahun)	Bil anak
1	Perempuan	65	Melayu	Sekolah rendah	3	1
2	perempuan	82	Melayu	Sekolah rendah	5	1
3	Perempuan	68	Melayu	Tak sekolah	2	2
4	Perempuan	79	Cina	Tak sekolah	4	4
5	Perempuan	90	Melayu	Sekolah rendah	2	1
6	Perempuan	87	Melayu	Sekolah rendah	2	4
7	Lelaki	67	India	Sekolah menengah	4	6
8	Lelaki	78	Melayu	Sekolah rendah	3	3
9	Lelaki	60	Melayu	Sekolah menengah	2	2
10	Lelaki	73	Melayu	Sekolah menengah	6	3

DIMENSI SOKONGAN SOSIAL INTERGENERASI

Analisis kajian ini membahagikan sokongan sosial intergenerasi yang diterima oleh warga emas di institusi penjagaan kepada tiga tema utama yang tercerna daripada temu bual yang dilaksanakan. Tema tersebut ialah lawatan anak dewasa atau waris, komunikasi serta penglibatan anak dewasa dan warga emas dalam pembuatan keputusan penting bagi kedua-dua pihak. Tema-tema ini adalah selari dengan item-item dimensi keluarga dalam skala Lubben. Tema ini juga telah diadaptasikan sesuai dengan adat dan budaya masyarakat yang menggambarkan dimensi sokongan sosial intergenerasi yang berlaku di institusi penjagaan

di negara kita. Kajian ini memberi sumbangan terutama penggunaan skala Lubben ala Malaysia yang telah diadaptasi penggunaannya di institusi penjagaan warga emas kerana sebelum ini kajian Lubben lebih tertumpu kepada sokongan sosial intergenerasi di dalam komuniti.

a. LAWATAN WARIS KE INSTITUSI

Hasil kajian menunjukkan walaupun berlaku lawatan daripada anak dewasa atau waris, namun, lawatan tersebut sangat kurang. Apa yang membimbangkan adalah kegagalan anak-anak melawat warga emas di institusi penjagaan akan menimbulkan kekecewaan, kekesalan dan

kesedihan di hati mereka. Perasaan ini akan meninggalkan kesan negatif kepada kesejahteraan psikologi dan fizikal mereka (Siti Marziah, Khadijah & Nasrudin 2013). Menurut responden 3, 7 dan 8, mereka tidak pernah menerima kunjungan daripada anak mereka dan pada masa yang sama mereka juga tidak pernah melawat anak mereka.

“...Masa raya ada datang, anak bawa balik beraya...tapi tak duduk rumah anak...duduk rumah adik seminggu, lepas tu anak ambil hantar sini semula...” (informan 3)

“...Tak datang...tak tahu pun anak ada kat mana sekarang”.... (informan 7)

“...anak tak pernah datang...pakcik pun tak pernah lawat anak”... (informan 8)

Kekurangan lawatan oleh anak dewasa terhadap warga emas di institusi mengurangkan peluang berlakunya komunikasi antara anak dewasa dan warga emas. Kekurangan lawatan juga menyebabkan warga emas kurang peluang untuk berkongsi masalah atau apa saja maklumat dengan anak dewasa atau waris.

b. KOMUNIKASI BERSAMA WARIS

Hasil kajian menunjukkan kehadiran anak-anak untuk melawat warga emas di institusi sekali gus memberi sokongan emosi kepada warga emas apabila mereka dapat berbual-bual dengan anak-anak dan cucu-cucu. Informan yang ditemu bual menyatakan rasa gembira mereka apabila menerima kunjungan dari anak-anak.

“...Bila anak datangsembang-sembanglah kat bawah tu... cerita-cerita..tanya khabar...lega rasa...” (informan 5)

“...Sukalah...boleh sembang-sembang dengan anak... sembang kosong saja.” (informan 4)

“...Bila anak datang..dia bawa keluar jalan-jalan..masa tu bersembanglah sambil-sambil...suka lah...” (informan 9)

Namun perbualan melalui telefon amat kurang berlaku kerana prosedur RSK tidak membenarkan penghuni untuk memiliki telefon bimbit kerana dikhuatiri akan berlaku kehilangan dan menimbulkan masalah pergaduhan sesama warga emas apabila timbul suasana tuduh menuduh. Apabila warga emas ingin membuat panggilan telefon, mereka boleh menggunakan telefon di pejabat. Namun tidak semua warga emas membuat panggilan telefon kepada anak-anak. Mereka hanya menunggu sahaja lawatan dari anak-anak.

“...nak telefon macam mana....maksik ada telefon... pejabat pegang...nak guna telefon pejabat pun segan juga, nanti orang benci kita...asyik datang pejabat minta guna telefon....” (informan 5)

“...Tunggu jelah anak datang...anak tahu..tak payah telefon..dia terus datang pejabat, nanti orang pejabat bagi tahu lah...telefon pun pejabat pegang....” (informan 3)

Dalam komunikasi yang berlaku antara anak dewasa dan warga emas, wujud juga keadaan yang mana segelintir warga emas menyelitkan unsur-unsur nasihat kepada anak-anak dan cucu-cucu mereka. Daripada 10 informan yang ditemu bual, terdapat dua informan yang mengakui memberi dan menerima nasihat daripada anak-anak. Selebihnya warga emas tidak pernah menerima apa-apa nasihat dari anak.

“...Ada juga nasihat kat anakjangan tinggal solat..bawa kereta elok-elok.... Anak pun pesan suruh jaga diri....” (informan 5)

“...Nasihat kat anak...bela anak elok-elok...nasihat kat cucu juga....belajar pandai-pandai...” (informan 2)

Apabila warga emas menerima lawatan dari anak-anak dewasa atau waris, sedikit sebanyak ianya memberi kegembiraan kepada warga emas dan keadaan ini akan menyumbang kepada kepuasan hidup warga emas. Dapatan ini selari dengan kajian Pinquart dan Sorensen (2000) bahawa kualiti hubungan dengan anak-anak akan memberi kepuasan hidup kepada warga emas.

c. PEMBUATAN KEPUTUSAN PENTING

Keputusan Penting Walaupun terdapat segelintir warga emas yang memaklumkan kepada anak dewasa mereka tentang perkembangan kehidupan mereka di institusi namun majoriti warga emas yang ditemu bual tidak melibatkan anak dewasa atau waris dalam pembuatan keputusan penting yang berkaitan kehidupan mereka di institusi. Begitu juga dengan anak dewasa yang didapati tidak melibatkan warga emas dalam pembuatan keputusan penting dalam hidup mereka. Hasil kajian menunjukkan warga emas kurang melibatkan anak-anak dalam pembuatan keputusan penting dalam hidup mereka di institusi. Pada masa yang sama warga emas juga bukanlah menjadi tempat untuk anak-anak merujuk apabila mereka perlu membuat sesuatu keputusan yang penting. Kalau masa kecil ibu dan bapalah yang menjadi tempat rujukan terdekat anak-anak (Siti Hasmah 2003), namun kini apabila telah tua dan terpaksa pula

melalui kehidupan di institusi, pandangan dan pendapat ibu bapa seakan tidak diperlukan.

“...Masa dulu-dulu adalah anak minta pendapat.. bila nak kahwin....sekarang tak adalah....” (informan 10)

“...tak de pun anak-anak bagi tahu nak buat apa pun....kita kat sini pun bukan nak cerita pada anak kalau nak buat apa-apa pun.” (informan 2)

“...urusan kita kat sini..urusan kita lah.. urusan hidup dia...dia tentukan sendiri....mereka pun dah besar” (informan 1)

Tindakan membelakangkan ibu bapa dalam pembuatan sebarang keputusan penting dalam hidup dikhuatiri akan merenggangkan lagi hubungan warga emas dan anak-anak dewasa. Anak-anak dewasa amat digalakkan untuk melibatkan warga emas dalam pembuatan keputusan yang penting agar warga emas akan merasa dirinya dihargai. Walau bagaimanapun bagi pihak institusi, sekiranya terdapat sesuatu perkara yang memerlukan kebenaran dari pihak keluarga seperti untuk urusan pembedahan, pihak institusi akan menghubungi anak atau waris untuk menandatangani borang kebenaran pembedahan. Namun sekiranya anak atau waris tidak dapat dihubungi, maka pihak pengurusan akan bertanggungjawab menandatangani borang tersebut demi kesihatan warga emas (Kamarulzaman 2015).

PENILAIAN WARGA EMAS TERHADAP SOKONGAN SOSIAL INTERGENERASI YANG DITERIMA

Penilaian warga emas terhadap sokongan yang diterima daripada anak dewasa diteroka dengan mendalam. Penilaian ini merangkumi penilaian subjektif terhadap sokongan yang diterima sama ada mencukupi atau tidak dan sejauh mana warga emas berpuas hati dengan sokongan yang diterima daripada anak dewasa atau waris.

a. TERKILAN DENGAN WARIS

Menurut informan Melayu yang ditemu bual, walaupun dia bersetuju untuk menetap di institusi, namun hakikatnya hatinya tidak ikhlas untuk masuk ke institusi. Namun atas pujukan anak dan cucu, akhirnya beliau bersetuju. Persetujuan di buat kerana beliau tidak mahu menyusahkan hidup anaknya dan dengan harapan anak akan gembira dengan keputusan yang dibuat. Namun akhirnya beliau terkilan dengan sikap anak yang tidak menghiraukan perasaan rindunya pada mereka dan tidak datang menjenguknya di institusi. Beliau menyebut:

“.....Dia pujuk-pujuk dia hantar sini...saya ni nak ambil hati anak cucu... mengakulah mahu...yang saya dah duduk dua bulan nak masuk tiga bulan rindu pula saya dengan anak dengan cucu...” (informan 2)

Dapatan kajian ini bercanggah dengan kajian oleh Chen (2011) yang mendapati tidak ada perbezaan antara kehidupan warga emas di rumah atau di institusi kerana anak-anak tetap datang melawat warga emas seminggu sekali. Percanggahan juga berlaku dalam kajian Cheng et al. (2011) yang menunjukkan kebanyakan warga emas berpuas hati dengan kehidupan mereka di institusi, hanya sedikit daripada mereka yang merasa terasing dan tertekan. Percanggahan dapatan ini memberi gambaran lemahnya penghayatan agama dalam kalangan anak dewasa di Malaysia sehingga sanggup membiarkan ibu bapa bersendirian di dalam institusi penjagaan tanpa bertanya khabar dalam tempoh yang lama.

Sedangkan perintah agar anak-anak berbuat baik kepada ibu bapanya sangat jelas di dalam Al-Quran surah Luqman ayat 14 yang bermaksud:

Dan kami wajibkan manusia berbuat baik kepada kedua ibu bapanya, ibunya yang telah mengandungkannya dalam keadaan lemah yang bertambah-tambah (dari awal mengandung hingga akhir menyusunya) dan tempoh menceraikan susunya ialah dalam masa dua tahun, (dengan yang demikian) bersyukurlah kepada-KU dan kepada kedua ibu bapamu serta kepada Aku jua tempat kembali (Al-Quran, Luqman, 31:14).

Berdasarkan terjemahan Al-Quran tersebut jelas kepada kita bahawa besarnya tanggungjawab seseorang anak terhadap kedua-dua ibu bapanya. Dalam usaha-usaha yang ditumpukan untuk mengejar kemajuan hidup, tanggungjawab sebagai anak terhadap ibu bapa tidak seharusnya dikorbankan. Anak-anak yang tidak melaksanakan tanggungjawab terhadap ibu bapa boleh dikategorikan sebagai seseorang yang tidak menghayati agama. Ini kerana gambaran penghayatan agama dapat dilihat dalam tindakan dan cara hidup seseorang yang dipengaruhi oleh penghayatannya terhadap ajaran agama (Zulkiple & Nor Salimah 2006).

b. KERENGANGAN HUBUNGAN INTERGENERASI

Hubungan Intergenerasi Kajian mendapati kebanyakan warga emas merasakan hubungannya dengan anak-anak semakin renggang apabila berpindah ke institusi. Kesibukan anak-anak dengan urusan sendiri seolah-olah telah melupakan mereka kepada warga tua di dalam institusi yang

sentiasa merindui mereka. Informan 2 melaporkan anak-anak tidak pernah menelefonnya, apatah lagi melawatnya, sebaliknya beliau yang menelefon anaknya kerana terlalu rindu pada anaknya. Beliau mengulang semula percakapan beliau dengan anaknya:

“...Mak rindu kau... dah dua bulan kau tak datang tengok mak sini..kau dah hantar mak sini kau tak datang jenguk-jenguk... bila telefon anak...alaah...mak ni sibuklah... duduklah diam-diam situ...Saya bila dia cakap macam tu hati saya luka...” (informan 2)

Luahan hati warga emas yang memaklumkan kelukaan di hati beliau terhadap anaknya membawa kepada pembentukan emosi yang negatif. Ternyata warga emas tidak berpuas hati dengan sokongan sosial intergenerasi yang berlaku antara dia dan anaknya, tambahan pula perpindahannya ke RSK bukanlah dengan rela hati. Kajian ini menyokong dapatan kajian Chang (2013) yang mendapati salah satu penyebab berlakunya emosi negatif dalam kalangan oleh warga emas di institusi penjagaan adalah kerana mereka dipaksa oleh anak-anak untuk menetap di institusi yang begitu asing bagi mereka. Apabila warga emas menetap di institusi penjagaan secara terpaksa, mereka sering kali cenderung untuk mengenangkan kesedihan mereka disebabkan tingkah laku anak dan situasi ini akhirnya merenggangkan hubungan warga emas dengan anak dewasa. Situasi ini tidak boleh dibiarkan berlarutan, dengan itu peranan pekerja sosial sebagai pengantara melibatkan penyelesaian perselisihan yang berlaku antara warga emas dengan anak dewasa harus dipergiatkan demi mengeratkan kembali hubungan yang telah renggang.

c. KEINGINAN UNTUK TINGGAL DENGAN ANAK

Bukan semua warga emas yang menghuni di RSK telah patah hati dan merajuk dengan anak-anak. Ada antaranya yang masih menaruh harapan untuk tinggal bersama anak-anak. Namun terdapat faktor-faktor lain yang membuatkan warga emas memendam saja keinginan tersebut. Antaranya ialah tiadanya kemudahan yang sesuai bagi warga emas yang berkerusi roda, kekangan disebabkan sikap warga emas itu sendiri yang tidak boleh menyesuaikan diri dengan persekitaran rumah anak, tiada persefahaman dengan menantu dan sememangnya warga emas tidak pernah dipelawa oleh anak untuk tinggal bersama. Dengan halangan yang wujud maka warga emas akhirnya kekal berada di institusi.

“...nak tinggal dengan anak...tapi anak cucu tak suka... makcik ni kuat merokok...nanti susah pula anak-anak dia kena penyakit.... Bila nak merokok je...kena merokok kat luar rumah...susahlah....” (informan 2)

“...anak nak jaga...tapi makcik tak nak...biarlah makcik mati kat sini...anak makcik baik tapi menantu tu yang tak elok... makcik punya harta pun..makcik tak nak bagi pada sesiapa... ada makcik bawa geran tanah ke sini....” (informan 5)

Dalam menangani keinginan yang tidak kesampaian ini, warga emas perlu membuat penyesuaian untuk menghadapi kehidupan baru di institusi. Kajian oleh Akehsan et al. (2010) mendapati terdapat dua elemen yang dikenal pasti sebagai penyesuaian yang dilakukan oleh penghuni di institusi penjagaan. Penyesuaian dilakukan itu dapat menyumbang kepada kepuasan hidup warga emas di dalam institusi. Elemen pertama ialah bersyukur di atas segala keistimewaan yang diterima sepanjang berada di institusi. Rumah Seri Kenangan (RSK) merupakan institusi penjagaan warga emas yang dibiayai sepenuhnya oleh kerajaan. Pembiayaan ini merangkumi segala keperluan asas seperti tempat tinggal, makanan, minuman dan pakaian. Di samping itu warga emas juga diberi rawatan perubatan percuma di hospital kerajaan sama ada rawatan sebagai pesakit luar atau rawatan pakar bagi penyakit yang kritikal. Kemudahan wang poket juga diberi kepada setiap warga emas sebanyak RM30 setiap bulan (Kamarulzaman 2015). Dengan kemudahan yang disediakan ini, warga emas boleh bersyukur kerana terdapatnya jaminan penjagaan dan perlindungan berbanding dengan kehidupan mereka di luar institusi. Elemen kedua ialah redha menghadapi segala apa yang ditakdirkan dalam hidup mereka. Bagi warga emas yang berada di institusi penjagaan mereka perlu berpegang kepada konsep redha menerima hakikat hidup mereka yang terpaksa berjauhan daripada anak-anak. Apabila konsep redha ini tertanam dalam diri warga emas, menyebabkan mereka boleh menerima apa saja situasi hidup mereka di institusi penjagaan.

KESIMPULAN

Penerokaan sokongan sosial intergenerasi dalam kalangan anak dewasa atau waris kepada warga emas di institusi penjagaan merupakan isu yang perlu mendapat perhatian umum. Dimensi sokongan sosial intergenerasi yang berlaku di institusi penjagaan dibahagikan kepada tiga tema utama iaitu lawatan daripada anak dewasa atau

waris terhadap warga emas di institusi, komunikasi bersama anak dewasa atau waris dan penglibatan anak dewasa atau waris dalam pembuatan keputusan penting. Tema yang tercerna ini dilihat dapat diselaraskan dengan item-item keluarga dalam skala Lubben. Dapatan kajian ini merupakan sesuatu yang penting dalam memberi sumbangan terhadap pengetahuan baru terutama dalam korpus ilmu sokongan sosial intergenerasi. Sehingga kini masih belum ada alat pengukuran standard yang mengukur sokongan sosial intergenerasi secara kuantitatif terutamanya dalam kalangan penghuni di institusi penjagaan. Maka dicadangkan sub skala keluarga dalam skala Lubben sesuai digunakan bagi mengukur sokongan sosial intergenerasi di institusi penjagaan secara kuantitatif berpandukan budaya masyarakat Malaysia. Kajian kuantitatif membolehkan dapatan digeneralisasikan kepada semua warga emas dalam populasi.

Tiga dimensi yang dicadangkan adalah menggambarkan keseluruhan bentuk sokongan sosial intergenerasi yang diterima oleh warga emas di institusi daripada anak atau waris. Bentuk sokongan lain daripada anak dewasa seperti pertolongan apabila ibu bapa sakit dan bantuan penjagaan peribadi seperti mandi dan pengurusan ke tandas, membuat aktiviti santai bersama, pengangkutan dan bantuan kewangan tidak berlaku di institusi penjagaan. Tambahan pula segala sokongan tersebut telah disediakan dan diambil alih oleh pihak pengurusan institusi. Temu bual bersama pihak pengurusan institusi mendapati bahawa setiap warga emas yang berpindah masuk ke institusi penjagaan dibekalkan dengan wang poket setiap bulan. Selain itu warga emas juga diberi kemudahan tempat tinggal, penjagaan dan perlindungan, perubatan, keperluan makanan, pakaian dan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling yang dilaksanakan oleh kaunselor berdaftar dengan Lembaga Kaunselor Malaysia (Kamarulzaman 2015). Walau bagaimanapun kajian ini merumuskan bahawa sokongan sosial intergenerasi daripada anak-anak sangat kurang berlaku apabila warga emas berpindah masuk ke institusi penjagaan. Ini kerana walaupun wujud sokongan sosial intergenerasi di institusi penjagaan, namun kebanyakan warga emas tidak berpuas hati dengan sokongan sosial intergenerasi yang diterima dan merasakan hubungan mereka dengan anak-anak semakin renggang. Hasil kajian memberi gambaran betapa lemahnya hubungan intergenerasi dan sokongan sosial kekeluargaan yang diamalkan oleh masyarakat Malaysia.

Kajian ini mencadangkan dua jenis intervensi kerja sosial yang berbentuk jangka pendek dan jangka panjang. Bagi intervensi kerja sosial jangka pendek, fokus diberikan kepada kes-kes warga emas yang kurang mendapat lawatan walaupun masih mempunyai anak atau waris. Antara intervensi kerja sosial yang dicadangkan ialah pelaksanaan program kerja sosial komuniti secara berkala yang bertemakan pengukuhan ikatan kekeluargaan. Pengisian program perlu diterapkan dengan aktiviti-aktiviti menyeronokkan yang boleh mengeratkan hubungan antara warga emas dan anak-anak atau waris. Bagi tujuan ini, pekerja sosial perlu mengadakan program *outreach* untuk mengesan anak dewasa atau waris dalam komuniti. Bagi kes warga emas yang dikenal pasti berpindah masuk ke institusi disebabkan konflik keluarga, pekerja sosial perlu memainkan peranan sebagai pengantara untuk meleraikan konflik melalui teknik pembelajaran berasaskan penyelesaian masalah (*problem solving skills*). Dalam menangani konflik ini pekerja sosial perlu memahami situasi kedua-dua belah pihak dan tidak berat sebelah (Zastrow & Kirst-Ashman 2004). Kerjasama pejabat pendaftaran dalam menjejaki anak dewasa atau waris diperlukan untuk memastikan penglibatan anak dewasa atau waris dalam program intervensi yang dilaksanakan. Di samping itu, bagi mengelakkan warga emas terlalu lama berada di institusi, dicadangkan sistem *exit* polisi diperkenalkan. Sistem ini bermaksud warga emas yang dikenal pasti masih mempunyai anak-anak seharusnya dikembalikan kepada anak-anak selepas sesuatu tempoh tertentu dan selepas segala permasalahan yang berlaku antara warga emas dan anak-anak diambil tindakan oleh pekerja sosial. Sistem ini dijangka akan dapat mengatasi masalah kerenggangan yang berterusan dan menyokong hasrat warga emas yang masih mempunyai keinginan untuk tinggal bersama anak-anak.

Intervensi kerja sosial jangka panjang pula difokuskan kepada penglibatan pihak kerajaan dalam pelaksanaan program bagi meningkatkan sokongan sosial intergenerasi. Pihak kerajaan dicadangkan mengadakan program pendidikan kesedaran mengenai penuaan di peringkat sekolah bagi mendidik pelajar-pelajar untuk memahami proses penuaan dan bertanggungjawab terhadap warga emas. Pelajar-pelajar sekolah rendah dan menengah perlu diberi galakan tentang penuaan yang bakal dihadapi oleh mereka sendiri dan pada masa yang sama mereka harus diterapkan dengan perancangan proses penuaan yang bakal mereka

hadapi pada masa akan datang. Pendedahan awal tentang kepentingan sokongan sosial intergenerasi yang perlu diberikan kepada pelajar dijangka akan dapat memupuk dan meningkatkan kesedaran pelajar-pelajar untuk memberi pelbagai bentuk sokongan sosial intergenerasi terhadap warga emas. Usaha-usaha ini akan lebih berkesan sekiranya ianya dilakukan secara berterusan oleh seorang profesional yang mempunyai pengetahuan dan berkompoten dalam kerja sosial gerontologi.

PENGHARGAAN

Penghargaan ditujukan kepada semua responden dan kakitangan RSK yang membantu memberikan maklumat yang bermanfaat dan Dr. Al Azmi Bakar, Pengarah Institut Sosial Malaysia yang memberi dorongan dan galakan untuk menyiapkan artikel ini.

RUJUKAN

- Al-Quran Mushaf Malaysia dan Terjemahan. 2006. Shah Alam: Yayasan Restu.
- Akehsan Dahlan, Nicol, M. & Maciver, D. 2010. Elements of life satisfaction amongst elderly people living in institutions in Malaysia: A mixed methodology approach. *Hong Kong Journal of Occupational Therapy* 20(2): 71-79.
- Chang, S. J. 2013. Lived experiences of nursing home residents in Korea. *Asian Nursing Research* 7(2): 83-90.
- Chen, L. 2011. Elderly residents' perspectives on filial piety and institutionalization in Shanghai. *Journal of Intergenerational Relationships* 9(1): 53-68.
- Cheng, Y., Rosenberg, M. W., Wang, W., Yang, L. & Li, H. 2011. Aging, health and place in residential care facilities in Beijing, China. *Social Science & Medicine* 72(3): 365-372.
- Chua Y. P. 2012. *Asas Statistik Penyelidikan*. Edisi ke-2. Kuala Lumpur: Mc Graw Hill.
- Fingerman, K. L., Pitzer, L. M., Chan, W., Birditt, K., Franks, M. M. & Zarit, S. 2010. Who gets what and why? Help middle-aged adults provide to parents and grown children. *The Journals of Gerontology Series B: Psychological Sciences and Social Sciences*. 66 (1): 87-98.
- Jabatan Kebajikan Masyarakat. 2014. Ringkasan Statistik Profil Penghuni. Bahagian Warga Tua: Statistik tidak diterbitkan.
- Kamarulzaman Ismail. 2015. Bentuk Sokongan Intergenerasi Daripada Anak-Anak Terhadap Warga Emas Di Institusi dan ketersediaan sokongan daripada institusi. Temu bual, 12 Jun 2015.
- Keevil, V., Razali, R. M., Chin, A.-V., Jameson, K., Sayer, A. A. & Roberts, H. 2013. Grip strength in a cohort of older medical inpatients in Malaysia: A pilot study to describe the range, determinants and association with length of hospital stay. *Archives of Gerontology and Geriatrics* 56(1): 155-159.
- Khadijah Alavi, Rahim M. Sail, K. I., Asnarulkhadi Abu Samah & Chan, C. 2011. Keperluan sokongan emosional dalam kalangan anak dewasa yang menjaga warga tua. *Jurnal e-Bangi* 6: 102-114.
- Khadijah Alavi. 2012. *Dilema Penjagaan Ibu Bapa Tua*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Khadijah Alavi, Nasrudin Subhi, Mohd Suhaimi Mohamad, Fauziah Ibrahim, Norulhuda Sarnon & Salina Nen (2015). Peranan kesejahteraan keluarga dan daya tahan dalam pengukuhan keluarga sandwich (The role of family wellbeing and resilience in strengthening sandwich families). *Akademika* 85(1): 25-32.
- Lubben, J. & Gironde, M. 2003. Measuring social networks and assessing their benefits. In *Social Networks and Social Exclusion: Sociological and Policy Perspectives*, edited by C. Philipson, Allan G. & Morgan, D., 20-34. Burlington, England: Ashgate Publishing Company.
- Martikainen, P., Moustgaard, H., Murphy, M., Einiö, E. K., Koskinen, S., Martelin, T. & Noro, A. 2009. Gender, living arrangements, and social circumstances as determinants of entry into and exit from long-term institutional care at older ages: A 6-year follow-up study of older Finns. *The Gerontologist* 49(1): 34-45.
- Nikmat, A. W., Hawthorne, G. & Al-Mashoor, S. H. 2013. The comparison of quality of life among people with mild dementia in nursing home and home care—a preliminary report. *Dementia* 1471301213494509.
- Pinquart, M. & Sörensen, S. 2000. Influences of socioeconomic status, social network, and competence on subjective well-being in later life: A meta-Analysis. *Psychology and Aging* 15(2): 187.

- Rashid, A. & Azizah, A. 2013. Sleep quality among residents of an old folks home in Malaysia. *International Journal of Nursing Care* 1(1): 52.
- Rioux, L. 2005. The well-being of aging people living in their own homes. *Journal of Environmental Psychology* 25(2): 231-243.
- Sana'MH, A. A., Chen, L. L., Shafie, A. A., Hassali, M. A. & Tangiisuran, B. 2014. The use of potentially inappropriate medications and changes in quality of life among older nursing home residents. *Clinical Interventions in Aging* 9(1):201-207.
- Silverstein, M. & Bengtson, V. L. 1994. Does intergenerational social support influence the psychological well-being of older parents? The contingencies of declining health and widowhood. *Social Science & Medicine* 38(7): 943-957.
- Silverstein, M., Gans, D. & Yang, F. M. 2006. Intergenerational support to aging parents the role of norms and needs. *Journal of Family Issues* 27(8): 1068-1084.
- Siti Hasmah Mohd Ali (2003). Teks Ucapan Ketua eksekutif. Kolokium ke 11 Wanita Pemadam Kebangsaan. Genting International Convention Centre, Genting Highland. 18 Januari.
- Siti Marziah Zakaria, Khadijah Alavi & Nasrudin Subhi. 2013. Risiko kesunyian dalam kalangan warga tua di rumah seri kenangan. *Journal of Psychology & Human Development* 1 (1) : 49-56.
- Tian, Q. 2016. Intergeneration social support affects the subjective well-being of the elderly: Mediator roles of self-esteem and loneliness. *Journal of Health Psychology* 21(6): 1137-1144.
- Zastrow, C. & Kirst-Ashman, K. K. 2004. *Understanding Human Behavior and the Social Environment*. Eight Edition. Unites States: Penerbit Thomson Learning.
- Zhou, Y., Zhou, L., Fu, C., Wang, Y., Liu, Q., Wu, H., Zhang, R. & Zheng, L. 2015. Socio-economic factors related with the subjective well-being of the rural elderly people living independently in China. *International Journal for Equity in Health* 14(5): 1-9.
- Zulkiple Abd. Ghani & Nor Salimah Abu Mansor. 2006. *Penghayatan agama sebagai asas pembangunan pelajar: Analisis terhadap beberapa pandangan al-Imam al-Ghazali*. Kertas kerja National Student Development Conference (NASDEC) Anjuran Universiti Teknologi Malaysia, Kuala Lumpur, 8-9 Ogos.

Nurhayati Mohamad
 Pusat Penyelidikan Psikologi dan Kesejahteraan
 Manusia
 Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
 Universiti Kebangsaan Malaysia
 43600 UKM Bangi
 Malaysia
 E-mail: atie_ukm@yahoo.com

Khadijah Alavi (corresponding author)
 Pusat Penyelidikan Psikologi dan Kesejahteraan
 Manusia
 Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
 Universiti Kebangsaan Malaysia
 43600 UKM Bangi
 Malaysia
 E-mail: khadijah@ukm.edu.my

Mohd Suhaimi Mohamad
 Pusat Penyelidikan Psikologi dan Kesejahteraan
 Manusia
 Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
 Universiti Kebangsaan Malaysia
 43600 UKM Bangi
 Malaysia
 E-mail: suhaimi@ukm.edu.my

Nur Saadah Mohamad Aun
 Pusat Penyelidikan Psikologi dan Kesejahteraan
 Manusia
 Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
 Universiti Kebangsaan Malaysia
 43600 UKM Bangi
 Malaysia
 E-mail: n_saadah@ukm.edu.my

Received: 13 April 2016
 Accepted: 11 January 2017